**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 14 Januari 2019 (Isnin)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| 1. Star Metro | 5 |
| 2. Utusan Malaysia | 46 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**14 Januari 2019 (Isnin)** | |
|---|---|
| Akhbar | Star Metro |
| Tajuk Berita | Water Piping Work In Kg Pasir To Go Ahead Despite Protest |
| Muka Surat | 5 |

# Water piping work in Kg Pasir to go ahead despite protests

M/S 5 STAR METRO 14/1

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

THE planned underground water pipe works in Kampung Pasir, Hulu Kelang will go ahead despite protests by village residents.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) Engineering Department director Zafrul Fazry Mohd Fauzi said the developer's application for the earthworks was approved last month.

"As Syabas has approved the pipes to be installed and MPAJ has approved for digging works to be carried out, MPAJ will stick to its decision," he said.

Last month, Kampung Pasir residents protested against the construction of the underground water pipe work as it would involve digging up the main access road leading to the village.

The work will be carried out along Jalan Haji Zam Zam for a new apartment development project in the village.

The complainants said the new water pipes would only serve residents at the two apartment blocks, but would be an inconvenience to the rest. It will also worsen traffic congestion in the area.

Zafrul said there would not be too much disruption as the digging works would only take two to three days.

"Once the digging is done, the pipes can be installed by Syabas," he said.

Zafrul added that a ramp serving as an access road for the apartment residents would be opened soon.

The ramp, which was built last year by the apartment developer, connects Jalan Ukay Bistari 2A in Ukay Perdana.

The opening of the ramp was delayed because Taman Ukay Bistari residents protested and put up a concrete wall at the end of Jalan Ukay Bistari 2A in 2017 while the ramp was being built.

"The developers will need to remove the wall.

"The ramp will be used as an alternative road until a permanent road is built for the development project," he said.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR 14 Januari 2019 (Isnin)** | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Kerja Turap ` Asal Siap' |
| Muka Surat | 46 |

ISNIN • 14.01.2019

UTUSAN KOTA

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my



PEMAJU perlu memastikan laluan keluar masuk lori dari tapak projek mematuhi garisan panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan.

# Kerja turap 'asal siap'

AB' 46 UTUSAN MALAYSIA 14/1

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**
kota@utusan.com.my

■ **AMPANG JAYA 13 JAN.**

TIDAK sampai 30 minit kerja-kerja penurapan jalan dilaksanakan di beberapa lokasi sekitar Ampang, ia kembali rosak.

Kerja turapan yang 'asal siap' oleh sebahagian kontraktor menyebabkan permukaan jalan di situ pecah dan mendap.

Tinjauan *Utusan Malaysia* terutama di sekitar projek pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Klang (Suke) mendapati, keadaan jalan di kawasan itu bukan sahaja tidak rata dan beralun malah terdapat lubang serta lopak air di sana sini.

Lori besar yang membawa muatan keluar masuk dari tapak projek yang turut memuntahkan sisa simen dan batu-batu kecil ke permukaan jalan di situ memburukkan lagi keadaan. Situasi sama turut berlaku di laluan sepanjang kira-kira tiga kilometer dari Jalan Mamanda 1 hingga ke Jalan Ampang Mewah.

Keadaan ini memaksa setiap pemandu yang melalui laluan itu memperlahankan kenderaan mereka.

Persoalannya, sampai bila keadaan jalan rosak berulang akan berterusan dan di manakah pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi terlibat?.

Pengerusi Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Zon Pandan, Abd. Haffidz Md. Noor berkata, kualiti jalan di kawasan itu sangat teruk walaupun berulang kali diturap.

Katanya, kegagalan kontraktor melakukan kerja-kerja turapan mengikut spesifikasi merupakan faktor utama jalan rosak semula.

"Kegagalan PBT dan agensi terlibat memantau dan melaksanakan kerja-kerja penurapan memburukkan lagi keadaan jalan di situ," katanya.

Bagi Arunal Rashid Mydin, 52, pemaju projek Suke sewajarnya menyelenggara semua jalan keluar masuk di tapak projek dalam keadaan baik dan selamat.

Seorang penduduk lain di Jalan Ampang Mewah yang enggan dikenali berkata, mereka terpaksa mengambil inisiatif sendiri menutup jalan berlubang dengan batu bata selepas tiada sebarang tindakan diambil pihak berkuasa.



PENDUDUK terpaksa menurap sendiri permukaan jalan berlubang di Jalan Ampang Mewah, Selangor.



KEADAAN jalan raya di sepanjang projek Suke yang rosak teruk.



KERJA-KERJA turapan jalan perlu dilakukan kontraktor bagi memastikan keselamatan pengguna terutama berhampiran tapak projek.

## REAKSI



"MASALAH jalan rosak perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib dan agensi terlibat. Segerakan kerja-kerja turapan di kawasan tertentu yang amat perlu dan membahayakan ."

**ABD. HAFFIDZ MD. NOR 64**
**Pengerusi Permuafakatan KRT Zon Pandan**



"PIHAK berkuasa tempatan perlu memantau dan mengambil tindakan terhadap kontraktor yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi memberi pengajaran kepada pihak berkenaan."

**AMIRUL GHAZALI, 22**
**Peniaga**



"SEJAK projek lebuh raya ini dijalankan pelbagai masalah dihadapi penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran terutama ketika cuaca hujan. Ini termasuk pencemaran alam seperti debu dan banjir lumpur.

**ARUNAL RASHID MYDIN, 52**
**Penduduk**